Logo Institusi

ISCIIID 2021
The 3rd International Shariah Compliant Idea, Invention, Innovation & Design Expo 2021

Tajuk Produk/Projek

ANDROID APPS: i-SOUND ADHAN & QIBLA (APLIKASI AZAN DAN KIBLAT BAGI OKU PENGLIHATAN)

PRODUK
123

Ahli kumpulan

Hidayatul Najwa binti Sabaruddin	Muhammad Faeez bin Nor Apendi
Muhammad Amirool Fahmi bin Razali	

ABSTRAK

Orang Kelainan Upaya (OKU) Penglihatan dikategorikan sebagai golongan minoriti di negara ini yang sebahagiannya adalah orang Islam. Golongan ini sering dikaitkan dengan kekurangan alat bantuan, terutama dari segi Pengajian Islam yang komprehensif dan holistik yang memerlukan penganutnya untuk menyempurnakan tuntutan agama. Sejajar dengan kemajuan teknologi dan kecanggihan telefon bimbit yang pesat, terdapat banyak aplikasi azan dan kompas arah kiblat kini dibangunkan di pasaran, namun perlu ditambah baik kerana ia dibangunkan untuk orang tipikal dan menyukarkan OKU Penglihatan untuk menyentuh butang-butang navigasi yang terdapat pada aplikasi tersebut. Justeru, Android Apps: i-Sound Adhan & Qibla dibangunkan khas untuk golongan kurang upaya ini untuk membantu mereka mengetahui waktu solat dan mendapatkan arah kiblat di samping memastikan golongan tersebut tidak dipinggirkan hak mereka terhadap kemajuan teknologi yang menggunakan peranti telefon pintar.

PENDAHULUAN

Surah Abasa ayat 1 hingga 4 jelas menemplak kita sebagai golongan tipikal supaya tidak menjauhkan diri daripada golongan OKU Penglihatan. Selain itu juga, kita juga mengetahui bahawa seruan azan adalah salah satu syiar Islam yang patut diangkat ummat Islam itu sendiri. Tidak dinafikan juga kemajuan teknologi akan meningkat dari semasa ke semasa. Namun, ia perlu diselaraskan dengan semua golongan tidak terkecuali golongan OKU Penglihatan. Dalam masa yang sama, agama Islam perlu menjadi dasar dalam pembangunan teknologi-teknologi khususnya dalam membangunkan aplikasi android. Oleh yang demikian, Android Apps: i-Sound Adhan & Qibla dibangunkan berteraskan perkara-perkara tersebut bagi mengisi kelompongan dalam teknologi berpaksi kepada Islam dan golongan OKU Penglihatan.



Metodologi :
ADDIE MODEL

DESKRIPSI PRODUK/ INOVASI SECARA RINGKAS

Android Apps: i-Sound Adhan & Qibla dibangunkan khas untuk golongan kelainan upaya ini untuk membantu mereka mengetahui waktu solat dan mendapatkan arah kiblat. Aplikasi ini dibangunkan menggunakan aplikasi Adobe Flash dan terbahagi kepada dua pilihan iaitu waktu azan dan arah kiblat. Pengguna juga boleh menetapkan lokasi dan arah kiblat secara terperinci dengan hanya *swipe* arah kanan, kiri, atas dan bawah sahaja. Kelebihan aplikasi ini adalah pengguna boleh menggunakan aplikasi ini tanpa bantuan orang lain dan pengguna hanya perlu meleret *(swipe)* skrin untuk navigasi. Pengguna boleh mendapatkan arahan dan info daripada suara yang ada di dalam aplikasi tersebut. Walaupun aplikasi ini dibangunkan khas untuk golongan OKU Penglihatan, aplikasi ini juga boleh digunakan oleh golongan tipikal kerana antara muka *(interface)* nya yang menarik dan mudah difahami. Dengan menggunakan aplikasi ini, pengguna tidak perlu membeli alat-alat *(device)* tambahan untuk mengetahui waktu solat dan arah kiblat kerana segalanya boleh didapati di dalam aplikasi ini. Selain itu, dengan terhasilnya aplikasi Android Apps: i-Sound Adhan & Qibla ini, dapat membantu OKU Penglihatan untuk menunaikan solat tepat pada waktunya seterusnya menjaga salah satu daripada maqasid syariah *(deen)* mereka. Konklusinya, Android Apps: i-Sound Adhan & Qibla adalah aplikasi yang sangat membantu OKU Penglihatan untuk mengetahui waktu solat dan arah kiblat dengan tepat dan mudah.

PEMATUHAN SYARIAH

- Menjaga solat tepat pada waktunya adalah menjaga salah satu daripada maqasid syariah *(deen)*.
- Memberi hak kepada OKU Penglihatan yang dipinggirkan dalam teknologi arus perdana.
- Membangunkan aplikasi yang berteraskan ilmu Naqli dan Aqli.

SIGNIFIKAN

- Mengisi kelompongan aplikasi islamik yang terdapat dipasaran di mana tidak mesra OKU Penglihatan dan ianya merupakan salah satu daripada fardhu kifayah.
- Membantu serta memudahkan OKU Penglihatan menjalani kehidupan harian dalam menentukan waktu solat dan arah kiblat.
- Menggalakkan masyarakat agar membangunkan lebih banyak aplikasi untuk OKU Penglihatan agar golongan tersebut tidak dipinggirkan di dalam teknologi.

NOVELTI/ ORIGINALITI

- Memperkasakan teknologi meleret *(swipe)* dalam aplikasi android bagi mengetahui waktu solat dan arah kiblat.
- Mesra OKU Penglihatan iaitu aplikasi yang berasaskan suara untuk arahan dan info mengenai waktu solat dan arah kiblat.
- Idea atau konsep adalah berdasarkan prinsip saintifik yang kukuh.

ANUGERAH :: PENERBITAN :: PATEN

Produk ini masih dalam proses permohonan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)

"LEADING INNOVATION"